

25/07/1999

LID 99 rintis arah positif

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Dialog Antarabangsa Langkawi keempat (LID 99) yang bermula hari ini, akan menyediakan arah positif untuk membantu membentuk dasar pada peringkat wilayah dan antarabangsa selaras usaha mempercepatkan pemulihan ekonomi dan menyekat krisis masa depan.

Menurut Perdana Menteri, pengalaman masa lalu menunjukkan siri LID sesungguhnya adalah forum yang cemerlang bagi berkongsi pendapat dan pengalaman.

"LID kali ini akan menyaksikan konsep perkongsian bijak diterjemah kepada paradigma kerja yang mana ketua negara/kerajaan dan peneraju industri antara lain akan berbincang pelbagai isu mengenai ekonomi makro, pengukuhan sektor korporat dan mentadbir korporat.

"Malaysia sudah mengambil beberapa langkah penting untuk memastikan susunan sosioekonomi masyarakat Malaysia berjalan lancar," katanya dipetik dalam buku alu-aluan LID keempat yang diedarkan di Berjaya Beach and Spa Resort di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, tiga hari berlangsungnya perbincangan itu akan menghasilkan peluang berharga bagi negara untuk mengambil kira krisis negara Asia daripada pelbagai sudut untuk mengupas isu utama.

LID kali ini, katanya, akan meneruskan agenda terdahulu dengan tema tahun ini 'Pengurusan Pemulihan Ekonomi bagi Perkongsian Kemakmuran-Pendekatan Perkongsian Pintar' disifatkan bukan saja patut tetapi kena pada masanya.

Menurutnya, krisis ekonomi yang dihadapi negara Asia menjadi tajuk utama di seluruh dunia sejak September 1997.

"Sejak 24 bulan lalu apabila krisis di Asia semakin teruk dan banyak negara di dunia termasuk Afrika Selatan, Brazil dan Russia mula menunjukkan tanda terkena tempas krisis itu, persoalan baru muncul.

"Salah satu yang menarik minat ialah anggapan pengurusan domestik yang tidak cekap dan kelebihan kewangan di kalangan negara membangun berbeza ketidakstabilan sistem antarabangsa yang menyebabkan kegawatan di Asia," katanya.

(END)